

DI SEBALIK GURAUAN YANG MENYAKITKAN

Nur Jasmien Amani Binti Ahmad Zamri & Mohd Yusof Zulkefli

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah
Alam, 40450 Shah Alam, Selangor

Emel: yusofzulkefli@uitm.edu.my

Buli bukanlah isu baharu dalam masyarakat, namun perbuatan ini terus berleluasa tanpa mengira tempat dan masa, sama ada di sekolah, tempat kerja mahupun di alam siber. Apa yang sering dianggap sebagai gurauan atau senda ringan sebenarnya boleh meninggalkan kesan psikologi yang mendalam. Gurauan yang melampaui batas boleh menimbulkan rasa takut, hilang keyakinan diri serta tekanan emosi yang berpanjangan kepada mangsa. Dalam era digital, buli menjadi lebih kompleks apabila ia berlaku dalam talian melalui komen kasar, penyebaran gambar tanpa izin serta penggunaan akaun palsu untuk menghina. Keadaan ini menjadikan buli lebih sukar dikesan dan dibendung.

Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, kes buli di sekolah menunjukkan peningkatan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam kenyataan pada Jun 2023, kementerian mengakui peningkatan kes buli fizikal dan siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Seterusnya, pada April 2024, lebih 4000 kes buli direkodkan dalam sistem disiplin sekolah sejak tahun sebelumnya. Trend ini turut disokong oleh laporan media tempatan. Berita Harian pada 12 Mei 2024 melaporkan kebimbangan terhadap peningkatan buli siber melalui platform seperti WhatsApp, TikTok dan Instagram. Harian Metro pula pada 5 Jun 2024 menekankan peningkatan kes buli fizikal khususnya dalam kalangan pelajar asrama. Data ini menunjukkan bahawa isu buli semakin serius dan memerlukan perhatian menyeluruh.

Kes kes sebenar yang dilaporkan media memperlihatkan kesan mendalam terhadap mangsa. Sebagai contoh, laporan pada Februari 2023 mengenai seorang pelajar perempuan berusia 14 tahun di Hulu Langat menunjukkan bagaimana ejekan berterusan membawa kepada tekanan mental sehingga mangsa mencederakan diri sendiri. Selain itu, insiden di MRSM Besut yang tular pada Oktober 2024 memperlihatkan pelajar senior memukul junior selama hampir 40 minit. Penyebaran video tersebut bukan sahaja mencetuskan kemarahan masyarakat, malah mendorong siasatan pihak berkuasa dan tindakan disiplin terhadap pelaku. Kes kes seperti ini membuktikan bahawa buli bukan sekadar isu terpencil, tetapi masalah sosial yang berulang dan semakin membimbangkan.

Punca buli sering dikaitkan dengan keinginan untuk menunjukkan dominasi, tekanan daripada persekitaran keluarga serta budaya gurauan yang tidak terkawal. Dalam banyak kes yang dilaporkan melalui media dan mahkamah juvena, pembuli bertindak sebagai manifestasi tekanan emosi atau pengalaman lampau. Mangsa pula sering memilih untuk berdiam diri kerana takut dibalas atau dipinggirkan. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila rakan sebaya hanya menjadi pemerhati tanpa bertindak, manakala sokongan daripada guru dan ibu bapa tidak mencukupi. Secara tidak langsung, situasi ini menyumbang kepada normalisasi budaya buli dalam kalangan pelajar.

Kesan buli amat serius dan meluas. Mangsa bukan sahaja mengalami kecederaan fizikal, malah berdepan dengan masalah kesihatan mental seperti kemurungan, keresahan dan trauma jangka panjang. Dalam kes yang lebih ekstrem, terdapat laporan media yang menunjukkan mangsa mengambil tindakan membahayakan diri akibat tekanan yang tidak bertanggung. Pada masa yang sama, pembuli juga berisiko mengembangkan tingkah laku agresif yang berterusan hingga dewasa serta terlibat dalam masalah disiplin dan jenayah. Suasana sekolah turut terjejas apabila pelajar berasa tidak selamat dan hilang fokus terhadap pembelajaran.

Peranan media dan media sosial dalam isu ini amat signifikan. Penyebaran kes buli secara tular mampu meningkatkan kesedaran masyarakat serta memberi tekanan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan segera. Namun begitu, penyebaran yang tidak terkawal juga boleh memburukkan keadaan mangsa dan menambah tekanan emosi yang dialami. Oleh itu, media perlu memainkan peranan secara beretika dengan melaporkan kes secara bertanggungjawab, melindungi identiti mangsa serta menekankan mesej pencegahan. Dalam masa yang sama, media sosial boleh dimanfaatkan sebagai platform pendidikan untuk menyebarkan kesedaran tentang bahaya buli.

Bagi membendung masalah ini, pendekatan menyeluruh perlu dilaksanakan. Sekolah perlu memperkukuh dasar anti buli serta menyediakan sistem pelaporan yang selamat dan berkesan. Pendidikan berkaitan empati, kawalan emosi dan komunikasi sihat perlu diterapkan secara konsisten dalam kalangan pelajar. Ibu bapa dan guru juga harus lebih peka terhadap perubahan tingkah laku anak-anak serta memberikan sokongan emosi yang berterusan. Rakan sebaya memainkan peranan penting dengan berani mempertahankan mangsa dan tidak menormalisasikan tingkah laku agresif. Selain itu, kempen kesedaran seperti Gurau atau Buli boleh diperluaskan melalui media sosial bagi mendekati golongan remaja dengan lebih berkesan.

Buli bukan sekadar isu disiplin tetapi merupakan masalah sosial yang memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Data terkini serta laporan kes sebenar menunjukkan bahawa isu ini semakin membimbangkan dan tidak boleh dipandang ringan. Usaha membanteras buli memerlukan kerjasama antara individu, institusi

pendidikan, media dan masyarakat. Hanya dengan kesadaran, empati dan tindakan tegas, persekitaran yang selamat dan harmoni dapat diwujudkan untuk semua.